

Ruj. Kami : ST(IP/POK)1/1 (27)
Tarikh : 3 Disember 2020

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.
T : +603 8870 8504 F : +603 8888 8633
Toll Free : 1-800-2222-78

Ketua Pegawai Eksekutif / *Chief Executive Officer*

Senarai Edaran Seperti di Lampiran A,

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PERUBAHAN SKOP DAN PERSEMPADANAN KAWASAN
PENTADBIRAN PEJABAT SURUHANJAYA TENAGA(ST) NEGERI KELANTAN
& TERENGGANU DAN PEJABAT ST NEGERI PAHANG.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawalselia industri pembekalan elektrik dan gas berpaip yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan mempunyai fungsi-fungsi sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Akta Bekalan Gas 1993 serta Peraturan-Peraturan di bawahnya. Selaras dengan fungsi ini, ST menjalankan aktiviti kawalselia ekonomi, teknikal, keselamatan dan lain-lain fungsi yang berkaitan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah melalui sembilan (9) Pejabat Kawasan dengan skop kawasan pentadbiran masing-masing yang telah ditetapkan.

3. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti kawalselia dan pengurusan serta menambahbaik kemudahan kepada pelanggan-pelanggan ST, skop persempadanan pentadbiran Pejabat ST Negeri Kelantan & Terengganu dan Pejabat ST Negeri Pahang telah dipinda. Berikut adalah skop baru kawasan pentadbiran kedua-dua Pejabat ST tersebut setelah persempadanan semula dipinda:

- i. ST Negeri Kelantan & Terengganu:
 - seluruh Negeri Kelantan; dan
 - seluruh Negeri Terengganu kecuali Daerah Dungun dan Kemaman.
- ii. ST Negeri Pahang:
 - seluruh Negeri Pahang kecuali Genting Highlands dan Cameron Highlands; dan
 - daerah Kemaman dan Dungun di Negeri Terengganu.

4. Sebagai makluman, skop baru persempadanan kawasan pentadbiran kedua-dua Pejabat ST ini akan mula berkuatkuasa mulai **1 Januari 2021**.

Sekian, terima kasih.



(ABDUL RAZIB BIN DAWOOD)

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga

s.k:

- 1 Pengerusi
Suruhanjaya Tenaga
- 2 Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Tenaga